

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 7 JULAI 2015 (SELASA)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Lebih RM100juta untuk baiki bangunan	Utusan Malaysia
2	Kos baik pulih lebih RM100j	Berita Harian
3	'Quake repair to cost over RM100m'	New Straits Times
4	Gempa Bumi: Kod piawaian Eropah dilaksana	Utusan Malaysia
5	Fadilah cadang KDN bina penempatan sementara IPD Ranau	Bernamea.com
6	Lebih RM100 juta diperlukan baiki kerosakan gempa bumi, Banjir lumpur di Sabah	Bernamea.com
7	Gempa bumi dedah keperluan sumber air	Utusan Malaysia
8	Gempa bumi dedah keperluan sumber air alternatif - Ongkili	Bernamea.com
9	Angin kencang barat daya berterusan hingga ahad ini	Utusan Malaysia
10	Angin kencang, laut bergelora sehingga rabu	Bernamea.com
11	Angin kencang barat daya dijangka berterusan sehingga ahad ini	Bernamea.com

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 22**  
**TARIKH : 7 JULAI 2015 (SELASA)**



**FADILLAH YUSOF** (dua dari kiri) serta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, **Dr. Ewon Ebin** (kiri) semalam melawat Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Ranau, Sabah, yang terjejas akibat gempa bumi baru-baru ini.  
- UTUSAN/AZRUL EDHAM MOHD AMINUDDIN

Infrastruktur rosak akibat kejadian gempa bumi

# Lebih RM100 juta untuk baiki bangunan

Oleh **HISYAMUDDIN AYUB**  
utusanabah@utusan.com.my

## ■ RANAU 6 JULAI

**K**EMENTERIAN Kerja Raya mengenal pasti sebanyak 61 buah bangunan terjejas dan mengalami kerosakan ekoran insiden gempa bumi yang berlaku di negeri ini pada 5 Jun lalu.

Menterinya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, selain kerosakan bangunan dan infrastruktur, kejadian itu turut menyebabkan 22 batang jalan raya rosak selain laporan cerun runtuh di 22 buah lokasi dan sebuah jambatan terjejas.

Ujar beliau, satu penilaian telah dilakukan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan anggaran keseluruhan bagi kos pembaikan berjumlah

lebih RM100 juta.

"Satu program akan dilaksanakan oleh pihak kementerian bagi memperkukuh bangunan serta infrastruktur yang rosak di negeri ini akibat kejadian gempa bumi dan banjir lumpur.

"Namun terdapat kerja-kerja pembaikan yang sudah dilakukan dan peruntukan diberikan bagi membaik pulih bangunan termasuk di Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Ranau," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas meninjau kerosakan bangunan serta infrastruktur di daerah Ranau ekoran kejadian gempa bumi serta banjir lumpur di sini hari ini.

Fadillah berkata, hasil penilaian yang dibuat oleh JKR ekoran kejadian itu, terdapat lima bangunan yang

mengalami kerosakan kritikal.

Menurutnya, lima kerosakan itu melibatkan struktur bangunan di Masjid Pekan Ranau, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ranau, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Mohamad Ali, Hospital Daerah Ranau dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ranau.

Jelasnya, kerosakan kritikal di lima lokasi tersebut dilihat memerlukan pembaikan segera.

"Anggaran kos pembaikan melibatkan lima buah bangunan yang mengalami kerosakan kritikal itu sekitar RM55 juta. Selain itu kita akan bekerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi membina jambatan sementara setelah jambatan kekal musnah dan hanyut dibawa banjir lumpur besar yang berlaku sebelum ini," tambahnya.

# Kos baik pulih lebih RM100j

» 61 bangunan, infrastruktur di Sabah terjejas gempa, banjir lumpur

Oleh Suzianah Jiffar  
suzianah@bh.com.my

► Ranau

**K**erajaan menganggarkan kos pembaikan kerosakan bangunan, infrastruktur dan jalan raya akibat gempa bumi dan banjir lumpur di negeri ini lebih RM100 juta.

Menteri Kerjaraya, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata anggaran itu hasil penilaian Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah akibat gempa bumi dan banjir lumpur di Ranau, Kota Belud dan kawasan sekitar yang tu-



Fadillah (kanan) ketika melawat kesan banjir lumpur di Mesilou, Kundasang, semalam. [FOTO EDMUND SAMUNTING/BH]

rut terjejas.

Sebanyak 61 bangunan dan kemudahan infrastruktur lain serta jalan raya terjejas akibat gempa bumi dan banjir lumpur sejak 5 Jun lalu.

“Ada beberapa bangunan selamat diduduki seperti Bangunan Persekutuan Ranau, namun lima daripada 61 bangunan itu rosak teruk yang memerlukan pembaikan sege-

ra dengan kos dianggarkan RM55 juta.

“Lima bangunan yang rosak teruk ialah Masjid Pekan Ranau, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ranau, Sekolah Agama Mohamad Ali, Hospital Daerah Ranau dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ranau,” katanya kepada media selepas melawat IPD Ranau di sini, semalam.



Yang turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin, yang juga Ahli Parlimen Ranau.

Sementara itu, Fadillah berkata, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sedang menjalankan kajian bersama pakar dalam dan luar negara bagi pembinaan bangunan di kawasan berisiko gempa bumi di negeri ini.

## Ikut Standard Euro Code

“Hasil kajian itu, kita akan membuat cadangan untuk dasar baharu berkaitan pembinaan bangunan yang memenuhi ‘Standard Euro Code’ dan akan dijadikan dasar pembinaan pembangunan negara, termasuk membabitkan sektor swasta,” katanya.

